



## Covid-19 #kitamestimenang

(30 November 2020) Kosmo, p.4

Siap siaga hadapi pertambahan pesakit Covid-19 di kawasan Lembah Klang

# KKM tambah katil di lima fasiliti

Oleh AHMAD MUSTAKIM  
ZULKIFLI

**PETALING JAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) akan menambah bilangan katil khususnya untuk pesakit Covid-19 di lima buah fasiliti di Lembah Klang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdulrahman berkata, lima fasiliti itu ialah Hospital Besar Kuala Lumpur (HKL), Hospital Sungai Buloh, Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC), Pusat Kawalan Kusta Negara dan Institut Latihan KKM Sungai Buloh.

"Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur

juga bersedia untuk membantu sekiranya keadaan memerlukan.

"Bagi memastikan kelancaran operasi, kesemua fasiliti ini dilletakkan di bawah Pusat Kawalan Bersepadu Covid-19 (PKBC) Wilayah Tengah bagi tujuan menyelaras dan memantau operasi berkaitan pengurusan pesakit Covid-19 di wilayah berkenaan," katanya dalam satu hantaran di laman Facebooknya semalam.

Menurut Noor Hisham, sejak semalam, jumlah katil yang dikhususkan untuk pesakit Covid-19 di HKL dan HRC adalah sebanyak 1,061 buah.

Sebanyak 433 katil ditempatkan di blok Materniti HKL, 398

katil di bangunan utama HKL, manakala 230 katil di HRC.

"Kedua-dua hospital ini dijalankan pasti sebagai hospital hibrid iaitu merawat pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19," katanya.

Terdahulu, Noor Hisham mengadakan lawatan kerja rasmi di HKL dan HRC bagi meninjau kesiapsiagaan pasukan kesihatan susulan peningkatan kes Covid-19 yang mendadak semasa gelombang ketiga khususnya di Lembah Klungkung.

Beliau kemudiannya meninjau lokasi saringan bagi Kluster Tapak Bina Awan Baru melibatkan di sebuah tapak pembinaan di Bandar Baru Sentul.



NOOR HISHAM (kanan) bercakap sesuatu dengan Pengarah HKL, Dr. Heric Corray (kiri) semasa lawatan ke HKL, Kuala Lumpur semalam.